

NAMA Kampung Baru di Kuala Lumpur tidak asing kepada rakyat Malaysia. Kampung itu dianggap sinonim dengan sejarah Kuala Lumpur itu sendiri. Kampung orang Melayu yang dibuka sejak 1899 di tengah-tengah ibu kota Malaysia itu sering menjadi tumpuan warga kota.

Malangnya imej daif Kampung Baru secara tidak langsung juga menggambarkan tahap kemajuan masyarakat Melayu dalam bandar. Suasana kampung itu masih tidak berubah biarpun negara sudah memasuki alaf baru yang penuh dengan persaingan sengit globalisasi. Gambaran antara dua darjat barangkali sesuai bagi membayangkan senario kampung itu. Kampung Baru yang ketinggalan... itulah darjat orang Melayu di Kuala Lumpur.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah menyuarakan rasa sedih beliau melihat keadaan lesu Kampung Baru. Beliau sendiri melakukan pelbagai cara untuk memajukannya. Tetapi Kampung Baru tetap Kampung Baru. Kehidupan di situ masih di takuk lama. Manusia dan pembangunan fizikalnya bergerak begitu perlahan sedangkan ka-

Fokus: Tanah Rizab Melayu Di Kuala Lumpur

HALANGAN KEMAJUAN KAMPUNG BARU

Masalah sebenar Kampung Baru sebetulnya disebabkan statusnya sebagai tanah rizab Melayu. Kampung itu sudah jadi macam kes keris makan tuan

MASSA 22-11-2003

wasan di sekelilingnya pantas berubah dalam arus pemodenan Malaysia.

Dr. Mahathir ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO 2002 juga menyentuh tentang Kampung Baru. Beliau mengaitkan imej Kampung Baru itu sebagai kegagalannya menyedarkan masyarakat Melayu. Beliau secara sinis berkata, jika dicabut semua harta milik kaum Cina dalam Kuala Lumpur, mungkin yang tinggal cuma Kampung Baru di tengah bandar raya itu.

Kenapa Kampung Baru tidak boleh

dimajukan?

"Masalah yang membantutkan kemajuan Kampung Baru berpunca daripada sikap tamak penduduknya sendiri. Bayangkan isu geran tanah yang mudah pun mengambil masa lebih separuh kurun untuk dibincangkan. Sedihnya sampai sekarang ia masih juga belum selesai," kata Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Haidar Ali Sheikh Fadzir kepada MASSA.

Masalah sebenar Kampung Baru sebetulnya disebabkan statusnya sebagai